U MAP

# COMMUNITY POLICING AND CRIME AWARENESS



## 19 FEBRUARI 2014
## KAMPUS INDUK UniMAP, PAUH PUTRA, PERLIS



**D.Y.T.M. TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**

**D.K., S.P.M.P., P.A.T.,**

Doctor of Education (Honoris Causa) La Trobe University Melbourne, Australia

**Raja Muda Perlis**

**Canselor UniMAP**



**D.Y.T.M. TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL**
**S.P.M.P.,**

Honoris Causa in Health Sciences (Universitas Nasional [illegible]) (DR)

**Raja Puan Muda Perlis**
**Pro-Canselor UniMAP**

# Sekapur Sirih

## KETUA POLIS NEGARA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saya bersyukur ke hadirat Allah s.w.t, kerana dengan taufik dan hidayahNya jua, kita telah dapat bersama-sama bersempena Program 'Community Policing And Crime Awareness' pada hari yang berbahagia ini.

PDRM amat menyedari betapa pentingnya kerjasama masyarakat di dalam membantu mencegah dan mengurangkan jenayah. Maka program sebegini adalah manifestasi daripada kolaborasi strategik antara Polis Diraja Malaysia, Universiti Malaysia Perlis dan masyarakat di dalam mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan bebas jenayah. Di samping usaha mendekatkan Polis dengan masyarakat terutamanya para belia secara berterusan, ia juga adalah untuk memastikan konsep "Community Policing" yang ingin disampaikan dapat diterima dan difahami.

Saya mewakili PDRM seluruhnya juga amat berbesar hati dan terharu di atas sokongan dan keprihatinan yang ditunjukkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis yang telah mencemar duli dalam sama-sama menyokong dan menyertai program ini. Ini jelas melambangkan bahawa Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua, adalah raja berjiwa rakyat, yang amat prihatin dan begitu mengambil berat terhadap seluruh rakyat jelata, khususnya kepada saya sekalian warga PDRM.

Sesungguhnya, usaha memberi kesedaran bahawa pencegahan jenayah adalah tanggungjawab bersama dan ini adalah satu konsep 'empowerment' untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pencegahan jenayah. Dengan adanya program seperti ini, saya berharap orang ramai akan lebih prihatin dan sentiasa mengamalkan sikap suka membantu ke arah mencapai objektif pencegahan jenayah yang berkesan dalam menurunkan kadar jenayah dan seterusnya memelihara keselamatan dan keamanan masyarakat dan negara.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Jawatankuasa Pengelola sama ada daripada PDRM dan Universiti Malaysia Perlis serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan Program 'Community Policing And Crime Awareness' ini.

Sekian, terima kasih.

**(TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR) IG**

Ketua Polis Negara

# Kata Aluan



## Naib Canselor
## Universiti Malaysia Perlis

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya, Kor Sukarelawan Siswa-Siswi uniMAP dan Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ) Polis Di Raja Malaysia (PDRM) Bukit Aman berjaya menganjurkan Program 'Community Policing And Crime Awareness' Forum Pencegahan Jenayah Dan Perspektif Islam pada hari ini.

Pertama sekali izinkan saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada kesemua jawatankuasa terlibat atas inisiatif merangka sebuah program yang saya kira memberikan manfaat yang cukup besar kepada kita semua. Selain memperoleh ilmu berkaitan pencegahan jenayah, saya juga amat berharap penganjuran program ini akan merapatkan lagi ukhuwah antara UniMAP dan pengurusan PDRM.

Dikesempatan penganjuran forum ini juga, UniMAP berhasrat untuk mengambil peluang melancarkan UniMAP Social Security Team (USST) di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam usaha memastikan kesejahteraan dan keselesaan warga kampus khususnya mahasiswa UniMAP yang mana ianya juga dijadikan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) universiti ini.

Justeru, sebagai inisiatif baru ke arah pencapaian KPI tersebut dan menggabungjalinkan NBOS dalam pencapaian matlamat seharian UniMAP, maka peranan pasukan beruniform UniMAP iaitu SUKSIS, PALAPES, RELASIS dan JPAM akan diperluaskan sebagai satu pasukan yang diberi nama USST. Semoga pelancaran USST ini akan menggambarkan peranan mahasiswa yang tidak terhad kepada akademik semata malah mengambil berat dan bertanggungjawab ke atas aktiviti pelanggaran undang-undang.

Akhir kata, ianya juga sebahagian daripada tanggungjawab sosial universiti dalam membantu pihak keselamatan untuk membanteras dan mengurangkan kadar pencerobohan dan perlakuan sosial yang tidak sihat dikalangan masyarakat kampus.

Sekian, Wassalam.



**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**
Naib Canselor UniMAP

# Seulas Pinang



## PENGARAH
## JABATAN PENCEGAHAN DAN PEMBANTERASAN JENAYAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana Program 'Community Policing And Crime Awareness' dapat diadakan sebagaimana yang telah dirancang. Semua ini adalah dengan izin-Nya disertai dengan usaha gigih oleh semua jawatan kuasa yang terlibat dari Polis Diraja Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis.

Sesungguhnya kolaborasi Polis Diraja Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis dalam usaha mendekatkan masyarakat dengan polis secara berterusan adalah merupakan satu inisiatif yang patut dijadikan ikutan oleh seluruh masyarakat di negara ini. Ianya secara tidak langsung akan menjayakan konsep Gagasan 1 Malaysia.

Budaya tanggungjawab sosial dan komitmen bersama dalam segala bentuk kerjasama sesama individu yang telah sekian lama dipupuk dalam kehidupan seharian kita perlu dihidupkan kembali. Ia tidak harus bersifat sementara, malahan harus berterusan tanpa mengira masa dan keadaan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat untuk didiami.

Malah, usaha pencegahan dan pembanterasan jenayah perlu dilakukan secara komprehensif dan holistik. Kerjasama yang berterusan seperti ini dilihat akan menjadi satu alternatif ke arah pencegahan jenayah yang lebih efisyen. Oleh itu, PDRM bersama-sama semua stakeholder termasuklah masyarakat perlu ikhlas bergabung membentuk sinergi yang mantap dalam mewujudkan komuniti bebas jenayah.

Justeru, besarlah harapan saya agar masyarakat di kawasan ini turut memberi kerjasama membantu pihak Polis dalam memasyarakatkan slogan 'Mencegah Jenayah Adalah Tanggungjawab Bersama'.

Sekian, terima kasih.



**(DATO' WIRA AYUB BIN HAJI YAAKOB) CP**
Pengarah Jabatan Pencegahan Dan Pembanterasan Jenayah

# Kata Aluan



## KETUA POLIS PERLIS

Assamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia

Syukor Alhamdulillah dengan izin Allah SWT, PDRM dan UniMAP berupaya menganjurkan Program Community Policing Dan Crime Awareness pada hari ini seperimana yang di rancangkan. Kejayaan ini merupakan satu pencapaian positif dalam merealisasikan konsep "Smart Partnership" serta sebahagian daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy ) yang di gerakkan oleh Goverment Tranformation Program.

Patik merafak sembah menjunjung setinggi – tinggi kasih diatas limpah perkenaan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis mencemar duli berangkat untuk menyempurnakan serta memeriahkan perlaksanaan program ini. Keperihatinan dan sokongan Duli – Duli Tuanku pastinya akan menyemarakkan semangat warga PDRM untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Kepercayaan pucuk pimpinan untuk menganjurkan program ini di Kontinjen Perlis sudah pasti akan memberikan impak yang positif bukan sahaja kepada warga PDRM kontinjen ini tetapi juga ahli masyarakat dalam kontek kerjasama, persefahaman, permuafakatan dan bersama – sama melaksanakan tindakan pencegahan jenayah selaras dengan moto "United Against Crime".

Setinggi – tinggi terima kasih dan penghargaan kepada YDH Ketua Polis Negara yang sentiasa memberikan dorongan untuk memantapkan serta memperkasakan perkhidmatan PDRM dan sekalung penghargaan kepada UniMap kerana sentiasa bersama PDRM menjayakan program – program untuk kepentingan rakyat.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen yang tinggi untuk menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.

**(Dato' Zull Aznam Haron ) SAC**
Ketua Polis Perlis



## 1.0 LATAR BELAKANG

Jenayah sering dikaitkan dengan masalah sosial yang berlaku dalam sesebuah komuniti. Peningkatan jenayah berat mahupun ringan sebenarnya tidak dapat dielak dengan asuhan dan didikan agama yang bermula dari rumah. Hari ini senario luar jangka dan kadang kala tidak pernah terfikir dek akal telah menular ke dalam masyarakat. Kelemahan benteng diri dan keprihatinan komuniti sekeliling menyebabkan indeks jenayah khususnya melibatkan umat Islam semakin hari semakin merunsingkan penguatkuasa undang-undang khususnya dan masyarakat umumnya. Jika Al-Quran dan Sunnah serta pegangan agama terus dijadikan panduan dan rujukan, pasti kemakmuran dan keharmonian negara terus dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa perasaan sangsi dan curiga. Justeru itu, bagi meneroka langkah-langkah yang terkandung di dalam kitab suci ini, maka Forum Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah dari Perspektif Islam ini. Forum ini diinisiatifkan oleh Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ) PDRM Bukit Aman dengan kerjasama SUKSIS UniMAP.

## 2.0 OBJEKTIF

2.1 Menyedarkan komuniti bahawa benteng kepada pencegahan jenayah adalah pegangan agama Islam

2.2 Memberi panduan dan bimbingan kepada komuniti landasan yang terbaik dalam bersama-sama menjalankan tanggungjawab dalam komuniti bagi penghindaran keruntuhan akhlak yang menyebabkan punca jenayah

2.3 Membuktikan kerjasama PDRM dan kumpulan sukarela mahasiswa SUKSIS dalam mengembleng tenaga menjalankan kempen kesedaran kepada komuniti setempat

## 3.0 PENGANJURAN

3.1 Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah, PDRM Bukit Aman

3.2 Sukarelawan Siswa Polis (SUKSIS) UniMAP

3.3 Universiti Malaysia Perlis

3.4 PDRM Kontijen Perlis

## 4.0 MAKLUMAT PELAKSANAAN

| | |
|---|---|
| Tarikh | : 19hb Februari 2014 (Rabu) |
| Masa | : 9.00 pagi – 3.00 petang |
| Tempat | : Kompleks Dewan Kuliah Kampus UniMAP Pauh Putra |





## 5.0 AHLI PANEL DAN MODERATOR FORUM :

Ahli Panel

i. YB Tn Jafperi Othman (Exco Kerajaan Negeri Perlis)
ii. YDH CP Dato' Wira Ayub Haji Yaakub (Pengarah JPPJ PDRM Bukit Aman)
iii. YBhg Dr. Hj Huzili Hussin (Dekan, Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan UniMAP)

Moderator : Ustaz Nazim Md Noor (Pegawai MAIPs)



# Aturcara



**ATURCARA PROGRAM COMMUNITY POLICING & CRIME AWARENESS PDRM DAN UNIMAP, FORUM PENCEGAHAN JENAYAH DARI PERSEPKTIF ISLAM**
**19HB FEBRUARI 2014 (RABU)**
**8.30 PAGI, KOMPLEKS DEWAN KULIAH UniMAP, KAMPUS PAUH PUTRA**

| | |
|---|---|
| 8.30 pagi | Ketibaan Tetamu Kehormat & Jemputan |
| 8.50 pagi | Ketibaan Pengarah - Pengarah PDRM |
| 9.00 pagi | Ketibaan YBhg. Datuk Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin,Naib Canselor UniMAP |
| 9.10 pagi | Ketibaan YDH IG Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara |
| 9.15 pagi | Ketibaan YAB Tuan Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis |
| 9.30 pagi | Keberangkatan Tiba DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil Raja Puan Muda Perlis<br>- Nyanyian Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda,<br>- Negaraku dan WAWASANKU<br>- Bacaan Doa<br>- Ucapan Aluan oleh YBhg. Naib Canselor UniMAP<br>- Ucapan Aluan oleh YDH Ketua Polis Negara<br>- Titah Perasmian DYTM Tuanku Raja Muda Perlis<br>- Gimik Perasmian Forum dan Pelancaran 'UniMAP Social Security Team' (USST) dibawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS2) |
| 10.15 pagi | Forum Bermula<br>Ahli Panel :<br>i. YB Tn Jafplan Othman (Exco Kerajaan Negeri Perlis)<br>ii. YDH CP Dato' Wira Ayub Hj. Yaacob (Pengarah JPPJ PDRM Bukit Aman)<br>iii. YBhg. Dr. Hj. Huzili Hj. Hussin (Dekan PTKPI) |
| 12.15 tgh | Forum Tamat<br>- Penyampaian Cenderahati kepada Ahli Panel Forum<br>- Pemakaian Pangkat kepada ACP (K) kepada Dato' Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal dan ASP (K) kepada Raja Shah Erman bin Raja Arifin oleh Ketua Polis Negara<br>- Majlis Penyampaian Sijil Penubuhan Polis Bantuan UniMAP oleh Ketua Polis Negara<br>- Penyampaian Cenderahati<br>- Sesi Lawatan Pameran |
| 12.30 tgh | Demonstrasi PDRM, SUKSIS dan Badan Kokurikulum UniMAP<br>- Majlis Penyerahan Kenderaan URB DAN MPV PDRM Perlis<br>Flag Off kenderaan URB dan MPV oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis) |
| 1.15 tgh | Jamuan Tengahari |
| 2.00 ptg | Keberangkatan Balik DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Raja Puan Muda Perlis<br>- Majlis Bersurai |



# Jawatankuasa Forum

## JAWATANKUASA FORUM

| | |
|---|---|
| Penaung | YDH Tan Sri Dato' Seri Khalid Abu Bakar |
| Penasihat | YDH CP Dato' Wira Ayub Hj Yaakob<br>Pengarah JPPJ<br>Y.Bhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin<br>Naib Canselor UniMAP |
| Pengerusi | YDH Dato' Zull Aznam Haron<br>Ketua Polis Perlis |
| Pengerusi Bersama | Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal<br>Komandan SUKSIS UniMAP |
| Timb Pengerusi I | YDH SAC Wan Mohamed Wan Abdullah<br>Ketua Penolong Pengarah JPPJ, PDRM |
| Timb Pengerusi II | YDH ACP Md Zukir Md Isa<br>Timb Ketua Polis Perlis |
| Timb Pengerusi III | Prof Madya Dr Khairul Nizar Ismail<br>Timb Komandan SUKSIS UniMAP |
| Setiausaha | En Zuber Hj Mohamed<br>Ajutan SUKSIS UniMAP |
| Pen. Setiausaha | Cik Rohazila Bahari<br>Pegawai Latihan Kor SUKSIS |
| Pengurusan Acara | YM Raja Shah Erman Raja Arifin<br>Pegawai Latihan Kor SUKSIS<br>ASP Azmi Hamid (HEA IPK Perlis) |
| Pameran<br>Persembahan/<br>Demonstrasi | PDRM Bukit Aman<br>ASP Ong Beng Teong (Penyelaras SUKSIS)<br>Prof Madya (Mej) Dr Zaliman Sauli |
| Jemputan | Cik Norsyahiza Hamzah<br>PDRM Bukit Aman<br>IPK Perlis<br>Institut Kajian Strategik, Kepimpinan dan Komuniti<br>Jabatan Pendaftar<br>Unit Komunikasi Korporat |



# Jawatankuasa Forum



| | |
|---|---|
| Protokol | Encik Mustaffa Ismail |
| Buku Program & Publisiti | Puan Ayuhidayah Ekhias |
| Cenderahati | Puan Anis Marlini Alauddin |
| Jamuan | Cik Nur hasfalinda baizura Beseri<br>Jabatan Perpustakaan UniMAP |
| Fizikal & Kecerian | Encik Jam Isnain Lam Fadzil<br>Jabatan Pembangunan UniMAP |
| Publisiti | Puan Suhana Abdul Mutalib<br>Bahagian Media UniMAP |
| Keselamatan | Jabatan Keselamatan UniMAP<br>IPK Perlis<br>IPD Arau |
| Multimedia dan Rakaman | Unit Multimedia UniMAP<br>PDRM Bukit Aman |
| Siaraya | Pusat Kejuruteraan UniMAP<br>IPK Perlis |
| Pembaca Doa | IPK Perlis |
| Juruacara | UniMAP dan IPK Perlis |



U MAP

# PENUBUHAN & PELANCARAN

## UniMAP SOCIAL SECURITY TEAM
## – NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY
## ( USST - NBOS )

NBOS

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

**PADA 19HB FEBRUARI 2014**

*Oleh*

**DYTM TUANKU RAJA MUDA PERLIS DAN**
**YDH KETUA POLIS NEGARA**

*Kerjasama*

**KOR SUKARELAWAN SISWA SISWI POLIS (SUKSIS)**
**PASUKAN LATIHAN PEGAWAI SIMPANAN (PALAPES)**
**BRIGED RELA SISWA SISWI (RELASIS)**
**KOR SUKARELAWAN SISWA PERTAHANAN AWAM(SISPA)**

# Penubuhan & Pelancaran



## LATARBELAKANG

Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS) telahpun dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP). NBOS berobjektifkan melahirkan budaya dan cara kreatif dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat. Dibawah NBOS 2, PDRM telah diamanahkan untuk mengadakan rondaan secara bersepadu dengan gabungan ATM, RELA dan JPAM. Strategi ini telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara.

UniMAP merupakan sebuah IPTA ke-17 yang secara prinsipnya berkonsepkan sebuah kampus teragih dan terletak di lebih 40 lokasi seluruh negeri Perlis. Kehidupan seharian warga kampus UniMAP tidak terhad kepada masyarakat kampus sahaja malah lokasi pekerjaan dan pembelajaran samada secara langsung atau tidak langsung berada dalam komuniti rakyat Perlis. Ini menunjukkan tanggungjawab komuniti di Perlis telah menjadi tanggungjawab bersama warga UniMAP. Dengan kapasiti UniMAP sebagai sebuah universiti yang memberikan manfaat sepenuhnya bukan sahaja kepada masyarakat kampus malah komuniti di sekelilingnya, maka kesejahteraan dan keselesaan warga kampus khususnya mahasiswa UniMAP telah dijadikan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) universiti ini.

Justeru itu, sebagai inisiatif baru ke arah pencapaian KPI tersebut dan menggabungjalinkan NBOS dalam pencapaian matlamat seharian UniMAP maka peranan pasukan beruniform UniMAP iaitu SUKSIS, PALAPES, RELASIS dan JPAM akan diperluaskan sebagai satu pasukan yang diberi nama University Social Security Team (USST). Hasrat ini menepati cadangan YBhg. Naib Canselor UniMAP dalam satu perjumpaan bersama penghuni kolej kediaman pada bulan Disember 2013. USST akan menjalankan peranan seperti dibawah inisiatif NBOS2 di kawasan kampus UniMAP. USST dicadang dilancarkan sempena kehadiran YDH Ketua Polis Negara pada 19hb Februari 2014 ke UniMAP.

## OBJEKTIF PENUBUHAN USST

5.1 Memanfaatkan kewujudan pasukan badan beruniform di UniMAP yang tidak terhad kepada agenda akademik sahaja malah sumbangan kepada masyarakat kampus khususnya dan komuniti luar amnya.
5.2 Membantu pihak keselamatan untuk membanteras dan mengurangkan kadar pencerobohan dan perlakuan sosial yang tidak sihat dikalangan masyarakat kampus.
5.3 Membantu operasi pihak keselamatan dalam urusan penganjuran program universiti.
5.4 Mendedahkan pasukan USST kepada operasi rondaan sebenar PDRM di bandar-bandar dengan mengikuti bersama rondaan harian mereka.

5.5 Menggemilangkan peranan mahasiswa yang tidak terhad kepada akademik sahaja malah mengambil berat dan bertanggungjawab ke atas aktiviti pelanggaran undang-undang

## PASUKAN BERUNIFORM YANG TERLIBAT

Seperti NBOS2, UniMAP Social Security Team (USST) akan diselia oleh SUKSIS PDRM dan gabungannya melibatkan :

a. Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS)
b. Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)
c. Briged Rela Siswa Siswi (RELASIS)
d. Kor Sukarelawan Siswa Pertahanan Awam (SISPA)

## PELAKSANAAN

5.6 USST akan menjalankan operasi setiap hari bermula jam 8.00 malam hingga 5.00 pagi.
5.7 Setiap pasukan USST terdiri daripada 4 anggota (setiap seorang dari 1 cabang yang berbeza)
5.8 Shift rondaan adalah antara 2 – 3 jam bagi setiap pasukan
5.9 USST hanya akan melakukan rondaan di sekitar kawasan kampus UniMAP sahaja (termasuk kediaman yang bercampur dengan orang awam)
5.10 Setiap anggota USST hendaklah memakai uniform rasmi masing-masing
5.11 Sebagai pengendali utama, SUKSIS UniMAP (anggota tetap PDRM) akan menyelia urusan ber... ini
5.12 Selain itu, USST boleh dikerahkan bagi membantu sebarang penganjuran ... aktiviti ... khususnya dalam aspek keselamatan



## PENUTUP

USST ditubuhkan oleh pihak UniMAP dalam membantu ... pelanggaran jenayah di kampus disamping mengoptimumkan sumbangan ... jayakan sesuatu program universiti. Diharapkan penubuhan USST akan ... khususnya pengurusan tertinggi UniMAP dan agensi keselamatan yang terlibat.

***DISEDIAKAN OLEH***
***YM RAJA SHAH ERMAN RAJA ARIFIN (ASP/KS)***
***PEGAWAI KEHORMAT (LATIHAN LUAR) KOR SUKSIS UniMAP***

# SEKALUNG PENGHARGAAN

Kerajaan Negeri Perlis

PDRM Bukit Aman

IPK Perlis

Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS)

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)

Briged Rela Siswa Siswi (RELASIS)

Kor Sukarelawan Siswa Pertahanan Awam (SISPA)

Pejabat Naib Canselor

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Pembangunan

Media

Dan kepada semua yang terlibat